

30 JAN 2003

Mahathir-Dasar

DASAR KERAJAAN AMBIL KIRA PANDANGAN SEMUA PIHAK, KATA DR MAHATHIR

ALOR GAJAH, 30 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kerajaan terlebih dahulu mengambil kira pandangan semua pihak serta merancang dengan teratur sesuatu dasar itu sebelum ia dilaksanakan.

"Kerajaan tak buat sesuatu dasar itu tanpa perancangan, tanpa ambil kira pandangan sekeliling dan perkembangan dunia," katanya ketika berucap pada perasmian Kilang Kereta Honda di Kawasan Perindustrian Pegoh, di sini.

Perdana Menteri berkata kerajaan juga mengambil kira perkembangan dan arah mana ekonomi dunia dalam membuat sesuatu dasar supaya kerajaan mampu mengejar kemajuan yang ada pada negara-negara maju di samping memberi kehidupan yang baik kepada rakyat.

Menurutnya, semasa kerajaan membuat dasar mengubah ekonomi negara daripada pertanian kepada industri, ramai yang ketawa termasuk rakyat negara ini sendiri, tetapi melalui pendekatan menjemput pelabur-pelabur asing ke Malaysia kini menjadikan 80 peratus daripada eksport negara adalah berbentuk barangan buatan kilang.

"Semasa sebelum dan awal merdeka, Malaysia tidak mampu keluar kereta sendiri, tapi kereta Malaysia sekarang mempunyai piawai standard yang sama di seluruh dunia," katanya.

Beliau berkata ini semua adalah hasil kecekapan pekerja di negara ini.

"Bahan blue print yang baik, teknologi yang baik, tanpa pekerja yang baik ia tidak mungkin dapat menghasilkan kereta yang bermutu tinggi," katanya.

Perdana Menteri berkata rakyat perlu mempunyai budaya kerja yang baik, tertib dan berdisiplin untuk memastikan mereka mampu mengeluarkan barangan yang sama kualiti dan jumlah yang besar untuk pasaran tempatan dan dunia.

"Kalau buat kereta Honda sendiri, sampai akhir hayat pun tak siap. Tapi dengan disiplin dan kerja di kilang, ia membuktikan rakyat Malaysia terutama orang Melayu dapat mengeluarkan barangan yang baik," katanya.

Pada perkembangan lain, Dr Mahathir berkata ada penduduk di kampung yang tidak dapat pekerjaan kerana kilang yang jauh dan tidak mahu meninggalkan kampung halaman bagi mencari pekerjaan.

Bagi mengatasi masalah itu, kerajaan membuat pendekatan satu kampung satu produk yang dilakukan di Jepun tetapi ia tidak berjaya di negara ini kerana sikap orang di kampung yang tidak ada disiplin ketika mengusahakan sesuatu di rumah mereka, katanya.

Beliau berkata pendekatan baru kerajaan sekarang ialah mewujudkan kawasan industri kampung dengan mewujudkan kilang dan penduduk dibayar gaji serta dapat melakukan pekerjaan dengan tertib dan disiplin.

"Pendekatan baru ini, saya yakin akan capai kejayaan. Orang Malaysia boleh bekerja di kilang tapi bukan dalam rumah. Kerajaan cadangkan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) untuk mengemblingkan tenaga yang masih ada di kampung...(iaitu) wanita pertengahan umur dan lelaki yang boleh bekerja di kawasan industri kampung," katanya.

Dalam ucapannya, Dr Mahathir turut menyentuh mengenai suasana kerja di Malaysia iaitu rakyat yang hidup pelbagai kaum mampu bekerjasama untuk menentukan kejayaan sesebuah kilang.

Beliau berkata dengan kemajuan teknologi maklumat (IT) mampu memberikan pendapatan yang tinggi kepada rakyat.

Dasar kerajaan melaksanakan pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris adalah untuk memastikan rakyat mampu menguasai kemahiran dan ilmu dalam IT, katanya.

Beliau turut mengucapkan tahniah kepada Kilang Honda yang mampu disiapkan dalam tempoh 17 bulan dan pembukaan kilang itu membuktikan syarikat berkenaan yakin dengan kerajaan negara ini serta rakyatnya yang mempunyai kebolehan dan cekap dalam menjalankan kerja.

Turut hadir pada majlis itu ialah Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Ali Rustam, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz, Pengerusi DRB-Hicom Bhd yang juga Pengerusi Honda Malaysia Tan Sri Mohd Saleh Sulong dan Pengarah Urusan Kanan Honda Motor Co. Ltd Jepun Katsuro Suzuki.

-- BERNAMA

SBS NO MOZ